

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN

DAN

PENULISAN BERKAITAN

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN DAN PENULISAN BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Tinjauan kajian dan penulisan berkaitan bertujuan untuk melihat kajian-kajian yang terdahulu berkaitan dengan pengajaran bahasa. Memandangkan kepada kajian ini berkaitan dengan perbandingan antara dua mata pelajaran bahasa Arab iaitu bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi, Pengkaji mendapati belum ada kajian-kajian dilakukan. Melalui pembacaan pengkaji kebanyakannya dilakukan berkaitan dengan pengajaran bahasa Arab secara umum dan tidak menjuruskan sepenuhnya kepada perbandingan antara dua mata pelajaran.

Walau bagaimanapun dalam bab ini pengkaji akan membuat tinjauan kepada penulisan-penulisan atau kajian-kajian yang mempunyai hubung kait dengan kajian pengajaran bahasa. Dalam bab ini memandangkan kesukaran mendapat kajian di barat, pengkaji telah membataskan kajian ini kepada tinjauan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa dalam pengajaran. Oleh itu bab ini akan dipecahkan kepada dua bahagian utama iaitu :-

- a) kajian umum tentang pengajaran bahasa dan alirannya
- b) kajian khusus tentang pengajaran bahasa Arab di Malaysia.

2.1 Kajian Umum Pengajaran Bahasa

Tugas utama guru bahasa ialah meningkatkan kecekapan murid dalam kemahiran-kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Setiap guru bahasa harus menguasai dua bidang utama semasa menyampaikan ilmu. Pertama guru itu mesti menguasai apa yang hendak disampaikan dengan menyeluruh dan keduanya mesti memahami dan menguasai kecekapan pengajaran. Sememangnya terdapat banyak pendekatan pengajaran yang telah disarankan oleh para pengkaji bahasa bagi mewujudkan satu usaha yang berkesan dalam menguasai bahasa.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kita tidak boleh lari daripada membicarakan tentang istilah pendekatan, kaedah dan teknik. Mengikut **Kamarudin Haji Husin** (1988 : 75), Pendekatan dalam pengajaran bahasa ialah satu kumpulan andaian yang saling berkaitan tentang hakikat bahasa, hakikat pengajaran bahasa dan hakikat pembelajaran bahasa. Pendekatan juga harus mencerminkan satu teori bahasa (teori linguistik), atau satu teori pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kesimpulan sesuatu pendekatan pengajaran itu harus dimulakan dengan cara mengamati keseluruhan dan kemudian kepada bahagian-bahagiannya.

Kaedah pula merujuk kepada satu rencana yang menyeluruh untuk mengajar sesuatu bahan bahasa, yang secara keseluruhannya mestilah didasarkan kepada pendekatan yang dianuti. Suatu kaedah itu tidak boleh bercanggah dengan pendekatan. Mengikut Brown, 1980 : (Dipetik dalam Kamarudin Hj Husin 1988 : 76), menyatakan agak sukar untuk memberi definisi kaedah, mengikut beliau

“Methods , however are difficult to define. They manifest themselves in such varieties at times that the terms approach may be more accurately descriptive of these general moods. An approach is a general and theoretical view of how language ought to be taught, while a method includes a developed procedure for teaching”.

Manakala Currie 1973 (Dipetik dalam Kamartudin Hj Husin 1988 : 77) , kaedah pengajaran meliputi penganalisis bahasa. Harus diingat, sesuatu kaedah yang dipraktikkan oleh guru dapat memberi kesan yang mendalam terhadap proses pembelajaran. Sesuatu kaedah dapat mengakibatkan kejayaan dan kegagalan murid-murid dalam pengajaran dan pendidikan mereka.

Teknik pula adalah satu muslihat atau strategi atau tektik yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil segera yang maksimum pada waktu

mengajar sesuatu bahasa tertentu. Mengikut **Edward M.Anthony** 1963 (Dipetik dalam Kamarudin Hj Husin 1988) memberi tafsiran :

‘A technique is implementational - that which an actual takes place in a classroom. It is a particular trick, stratagem, or contrivance used to accomplish an immediate objective”.

Berdasarkan kepada petikan di atas, nyatakan bahawa teknik merupakan cara yang paling berkesan untuk mencapai sesuatu objektif. Secara keseluruhan perbincangan di atas dapat pengkaji simpulkan bahawa pendekatan bersifat hakikat bahasa dan proses belajar bahasa yang dijadikan landasan untuk menyusun kaedah mengajar. Keadah pula bersifat prosedur dan teknik merupakan pelaksanaan kaedah dalam kelas.

Perbincangan di atas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, sebenarnya adalah saling melengkapi dan berinteraksi. Penerangan penggunaan unsur-unsur ini secara hati-hati akan menghasilkan satu pengajaran bermutu. Perbincangan di atas berpusat kepada bagaimana pengajaran dan pembelajaran wujud. Dalam pengajaran bahasa terdapat empat pendekatan pengajaran yang sering digunakan iaitu pendekatan deduktif, pendekatan induktif, pendekatan elektif dan pendekatan komunikatif. Pengkaji tidak bercadang untuk membicara

pendekatan ini secara panjang lebar tetapi sekadar membicarakan secara sepintas lalu tentang perbezaan antara pendekatan.

2.1.1 Pendekatan Deduktif.

Pendekatan pengajaran ini mengutamakan penguasaan undang-undang atau hukum-hukum bahasa daripada penggunaan bahasa. Guru-guru yang menggunakan pendekatan ini biasanya akan memulakan pengajaran bahasa dengan huraiian undang-undang bahasa yang hendak diajar sebelum memberi contoh-contoh penggunaannya. Mengikut Brian Seaton 1982 (dipetik daripada Kamarudin Hj Husin 1991 : 133), pendekatan deduktif ialah :

“ learning by deduction the student starts with a general truth and applies it to a particular cases .”

Contoh pengajaran pendekatan deduktif ialah apabila seseorang guru mengajar ayat tunggal, guru akan memberi takrif ayat tersebut sebelum menunjukkan contoh-contoh menggunakannya.

2.1.2 Pendekatan Induktif

Pendekatan Induktif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah lebih dikenali sebagai pendekatan gramatikal yang memulakan sesuatu pengajaran itu dengan memberikan contoh-contoh struktur penggunaan unsur-unsur tatabahasa yang dipelajari terlebih dahulu sebelum sesuatu kesimpulan mengenainya dilakukan. Pendekatan ini menggunakan kaedah pencarian atau penemuan ‘discovery Method’ yang melibatkan proses pemerhatian , mengkaji dan menganalisis sesuatu aspek bahasa itu di awal pembelajaran dan kemudian dikait-simpul satu kesimpulan umum daripada data-data yang dipelajari. Contoh pengajaran ayat tunggal menggunakan pendekatan ini ialah, guru akan memulakan pengajaran dengan menunjukkan contoh-contoh ayat tunggal. Kemudian berpandukan contoh-contoh yang dibuat, guru akan memandu murid-murid supaya sampai kepada takrif ayat tunggal.

2.1.3 Pendekatan Elektif

Pendekatan ini menggabungkan ciri-ciri dalam kedua-dua pendekatan bagi menghasilkan satu strategi pengajaran. Contoh pengajaran menggunakan pendekatan ini ialah, apabila guru mengajar tentang ayat tunggal, guru memulakan pengajaran dengan menunjukkan contoh-contoh ayat-ayat tersebut. Guru kemudiannya menyuruh mengenalpastikan ciri-ciri yang terdapat pada

contoh ayat tersebut. Bagi memastikan kesahaman murid , guru akan memberi huraian yang lebih lanjut tentang ciri-ciri ayat tunggal. Guru kemudian meminta murid-murid memberi ayat lain yang mempunyai ciri yang sama. Berpandukan ciri-ciri pada contoh ayat yang dibincangkan guru akan menyimpulkan takrif ayat tunggal dan selanjutnya meminta murid memberi contoh ayat tunggal yang lain.

2.1.4 Pendekatan Komunikatif

Pendekatan ini mengutamakan kecekapan berkomunikasi. Pengajaran bahasa mestilah merangkumi kecekapan bahasa yakni penguasaan sistem tatabahasa serta kecekapan berkomunikasi. Kecekapan yang pertama membolehkan seseorang menguasai struktur bahasa yang terdapat bagi menyampaikan mesej kepada khalayaknya. Kecekapan yang kedua membolehkan murid tersebut menggunakan bahasa yang sesuai dengan khalayak yang dihadapinya. Pengajaran bermula dengan latihan menggunakan struktur-struktur bahasa yang tepat dan sesuai dengan sesuatu aktiviti komunikasi yang dipilih oleh guru. Pendekatan induktif dan deduktif digunakan dalam latihan ini. Kemudian murid-murid akan melibatkan diri dalam aktiviti berkomunikasi atau berinteraksi bagi membolehkan mereka menggunakan struktur ayat yang dilatih. Pendekatan pengajaran ini lebih berpusatkan murid daripada guru.

Melalui pengubahsuai pendekatan pengajaran-pengajaran di atas telah menghasilkan beberapa kaedah pengajaran. Antara kaedah-kaedah yang terhasil ialah kaedah Nahu Terjemahan atau Kaedah Tradisional, Kaedah Terus, Kaedah Bacaan, Kaedah Fonetik atau Kaedah Linguistik, Kaedah Elektif, Kaedah Audio-Lingual, Kaedah Kod Kognitif dan Kaedah Komunikatif.

2.2 Prinsip Pengajaran Bahasa

Dalam pengajaran bahasa seseorang guru yang baik harus sentiasa memikirkan satu bentuk pengalaman baru untuk mendapatkan hasil yang maksimum selepas pengajaran . Kenyataan ini sesuai dengan pandangan Corder.P (1975 : (dipetik dalam Kamarudin Husin 1988 :42) berbunyi :

'Good language teachers do not work by role of thumb of recipe. They possess,like good cooks, a set of principles which guide their work ,in other words, some general nations about what is going on when people learn languages, an informal theory about how language are taught and learned'

Gambaran yang diberikan oleh **Corder** menunjukkan bahawa guru mempunyai satu set prinsip tentang bagaimana caranya bahasa itu diajarkan atau dipelajari. Terdapat 4 prinsip pengajaran bahasa yang menyangkut teori-teori pemerolehan bahasa dan seterusnya boleh menguasa bahasa. Antara prinsip-prinsip pengajaran ialah :

- a) Prinsip Aliran Behaviurisme
- b) Prinsip Aliran Kod-kognitif
- c) Prinsip Aliran Interaksionalisme
- d) Prinsip Aliran Fungsionalis

2.2.1 Prinsip Aliran Behaviurisme

Prinsip ini telah dipelopori oleh ahli-ahli psikologi dan linguistik Aliran Behaviurisme. Pegangan utama prinsip ini ialah pengajaran bahasa mesti didahului dengan bahasa lisan. Ini diikuti pula dengan bahasa tulisan yang dianggap perkara kedua penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Daripada pendapat ini nyatahalah kepada kita bahawa guru-guru mesti berusaha untuk membolehkan murid-murid bertutur dalam bahasa itu dahulu dan kemudian meneruskannya kepada pengajaran membaca dan menulis.

Prinsip ini sesuai untuk diterapkan ke dalam proses pembelajaran bahasa kedua yang mana tabiat bahasa yang baru perlu diajar kepada murid-murid.

Untuk membentuk kebiasaan ini latihan dan latih-tubi serta perbualan bahasa diutamakan. Prinsip ini tidak memberi penekanan pembelajaran terhadap undang-undang bahasa. Selain itu, prinsip ini juga menekankan kepada rangsangan dan peneguhan untuk menentukan pembentukan tingkah laku yang dikehendaki. Guru boleh mencipta berbagai rangsangan untuk menarik minat pelajar terhadap pengajaran bahasa dan peneguhan seperti pujian dan sebagainya untuk mengukuhkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran.

2.2.2 Prinsip Aliran Kod-Kognitif

Prinsip ini mengandaikan bahawa pembelajaran bahasa sebagai satu proses pemikiran dan pemikiran itu dilahirkan melalui pertuturan. Guru harus menyedari bahawa kebolehan semulajadi untuk berbahasa telah tersedia ada dalam minda pelajar. Mereka berkemampuan membentuk ayat-ayat mereka sendiri walaupun ayat-ayat itu belum pernah mereka dengar sebelumnya. Mereka begitu kreatif dalam penggunaan bahasa. Prinsip ini menyarankan agar pengajaran guru hendaklah menggunakan pengetahuan bahasa murid-murid terutama dalam pemilihan bahan-bahan pengajaran. Kesesuaian bahan-bahan pengajaran harus dilihat dalam lingkungan kebolehan minat dan umur murid-murid. Pengamal prinsip ini telah menekankan bahawa aspek kesalahan bahasa hendaklah diambil kira dalam proses pembelajaran mereka.

Guru harus memberi perhatian kepada kesalahan-kesalahan ini dan berusaha membetulkannya kerana kanak-kanak atau murid-murid sedang dalam proses kematangan berbahasa. Dalam proses pembelajaran , tulisan dan bacaan adalah diutamakan. Ini bermakna, kemahiran menulis adalah lebih penting daripada kemahiran lisan. Antara latihan-latihan tulisan yang diberi termasuklah latihan terjemahan bahan daripada bahan sasaran ke bahasa ibunda atau sebaliknya. Contohnya :

Terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu.

Bentuk pengajaran adalah secara deduktif, iaitu menyampaikan pelajaran itu dimulakan dengan mengenalkan dahulu kepada pelajar undang-undang atau peraturan-peraturan tatabahasa dan kemudian diberi pula contoh-contohnya.

2.2.3 Prinsip Aliran Interaksionalisme

Prinsip ini menekankan kepada penyampaian makna. Ini bermakna pengajaran bahasa itu bukan sekadar mempelajari struktur bahasa itu, tetapi apa yang lebih penting ialah belajar untuk berinteraksi. Dalam proses pembelajaran bahasa pertama, keupayaan berbahasa dalam bahasa itu biasanya dikuasai secara tidak disedari. Pembetulan kesilapan-kesilapan dilakukan secara tidak

langsung. Anak-anak belajar bahasa itu melalui ibu bapa yang sentiasa peka dan mengubahsuai ujaran-ujaran mereka untuk difahami oleh anak-anak mereka. Dalam pengajaran bahasa kedua, selain daripada latih-tubi struktur, guru perlu mewujudkan berbagai-bagai aktiviti untuk membolehkan murid-murid menguasai struktur-struktur bahasa yang dipelajari. Guru perlu mewujudkan satu suasana pembelajaran yang berkesan dan bermakna.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa mengikut prinsip aliran ini memerlukan penumpuan terhadap tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang bermakna. Jika sekiranya guru itu dapat menyampaikan pengajaran dalam bentuk aktiviti-aktiviti yang bermakna, murid-murid pasti bukan sahaja dapat memperbaiki penggunaan sistem bahasa mereka tetapi juga berkemampuan untuk menggunakan bahasa itu dengan lancar dan fasih. Aktiviti-aktiviti yang bermakna ini adalah aktiviti-aktiviti yang memberangsangkan, memikat dan menarik. Latihan mengisi borang-borang menyimpan wang di pejabat pos, perbualan di pasar, berbahas, bersoal jawab dan berteka-teki, berlakon di pentas dan sebagainya adalah antara aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan.

2.2.4 Prinsip Aliran Fungsional

Prinsip ini mengutamakan dua perkara iaitu sistem tatabahasa dan fungsi bahasa. Pengajaran itu harus mampu memberi pengetahuan kepada murid-murid

tentang sistem tatabahasa atau prinsip-prinsip struktur bahasa yang dipelajari itu. Guru harus sedar dan tahu akan fungsi bahasa, contohnya, untuk menyatakan rasa sakit, bahasa untuk menerangkan sesuatu, bahasa untuk mendeskripsikan sesuatu objek dan sebagainya. Dalam hal ini, bahasa yang digunakan untuk mendeskripsi tugas tersebut haruslah terdiri daripada ujaran-ujaran yang baik. Kanak-kanak dilatih menggunakan bahasa seperti itu berdasarkan fungsi-fungsi tertentu. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, murid-murid harus dapat menentukan fungsi-fungsi komunikatif pada bentuk-bentuk bahasa yang mereka kuasai. Ini bermakna, unsur-unsur dalam sistem bahasa yang dipelajari itu mestilah difahami sebagai sebahagian daripada sistem komunikatif.

2.3 Kajian Berkaitan Dengan Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia.

Terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan pengajaran Bahasa Arab. Kajian yang telah dilakukan oleh **Haji Mohamed bin Haji Abd Rahman** (1994), dalam disertasi bertajuk “**Pengajaran Bahasa Arab Pelajar Melayu: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Universiti Malaya (YPTIK) dengan Akademik Islam, Universiti Malaya (AIUM)**” memperlihatkan perbandingan antara pengajaran bahasa Arab di Sekolah Agama Arab YIK, Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dan Akademik Islam Universiti Malaya.

Dapatan kajian beliau bahawa terdapat perbezaan ketara pengajaran antara YPTIK, AIUM dan YIK. Bentuk pengajaran sekolah-sekolah YIK ialah :

- a) Penggunaan buku teks yang ditentukan oleh guru itu sendiri.
- b) Sekolah Maahad Al-Muhammadi (Bahagian Arab) menggunakan buku teks *Al-Nahw Al-Wādiḥ* (النحو الوضيحي). Pelajar-pelajar didedahkan contoh-contoh tajuk nahu diikuti dengan syarahan dan huraian contoh-contoh tersebut kemudian dibacakan kaedah nahu yang berkenaan.
- c) Cara mengajar *Mutāla'a* (مطالعه) iaitu dengan cara guru menulis teks *Mutāla'a* di papan hitam, kemudian guru menerangkan maksudnya kepada pelajar.

Manakala pengajaran Bahasa Arab di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) menggunakan kaedah pengajaran bahasa Arab adalah berdasarkan *qā'idat Qiāsiyat* (قاعدة قياسية) iaitu berdasarkan syarahan dan disusuli dengan tutorial. Satu kaedah yang digunakan ialah *Tarīqat Istiqrā'iyyat*

(طريقة هربات) yang berdasarkan kesimpulan atau cara Hervet (طريقة استقرائية).

Rumusan pendekatan pengajaran ini ialah :

- a) Cara mengemukakan contoh kepada pelajar, kemudian diikuti dengan kaedah nahu, berpandukan kitab Al-Nahw Al-Wādiḥ (النحو الواضح). Kitab ini digunakan oleh sekolah-sekolah Ma'had Al-Azhar, Mesir. Tidak dapat dinafikan bahawa buku-buku teks di sekolah-sekolah agama Kelantan dan YPTIK berpandukan kepada sukanan pelajaran Al-Azhar dan bukunya.
- b) Pentafsiran dan huraihan dilakukan dengan mengemukankan teks yang ditentukan diikuti dengan contoh-contoh dan kaedah (Qawā'id), tetapi dalam semua mata pelajaran kecuali beberapa mata pelajaran yang diberi huraihan dan penjelasan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Pengajaran Bahasa Arab di AIUM mempunyai pendekatan hampir sama dengan YPTIK iaitu berdasarkan kuliah / syarahan dan tutorial. Beliau seterusnya telah mengemukakan beberapa masalah yang timbul dalam pengajaran bahasa Arab. Antara masalah-masalah nya ialah :

- a) Latihan guru yang berpunca daripada kurang pengalaman atau penguasaan tentang kaedah pengajaran menyebabkan berlakunya ketidaksampaian maksud. Beliau menyarankan guru-guru hendaklah didedahkan dengan pendekatan wacana dan pendekatan situasi.
- b) Pendekatan kaedah pengajaran Bahasa Arab secara khusus seperti mengadakan bengkel atau seminar. Pengisian dilakukan berdasarkan perbandingan pengajaran bahasa Arab dengan Bahasa Melayu.
- c) Mendedahkan kepada guru tentang kaedah penggunaan Teknologi Pendidikan seperti penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) kerana mengikut kajian beliau kelemahan ketara pengajaran guru ialah kurangannya penggunaan BBM.

Akhir sekali beliau telah membuat rumusan kaedah-kaedah terbaik yang boleh digunakan untuk mengajar bahasa Arab merangkumi :

i) **Kaedah Mengajar Kemahiran Membaca (Qirā'at)**

Beliau telah memperkenalkan empat (4) kaedah yang disarankan iaitu memperkenalkan huruf-huruf abjad bahasa Arāb dan disebut secara berulang-

ulang, mengadakan latih-tubi dan seterusnya menghafal. Kedua cara menyebut huruf iaitu berpandukan suara dalam kemahiran membaca (melafazkan) perkataan-perkataan. Ketiga, memahami perbendaharaan kata iaitu pelajar diminta mengenal perkataan dan menghafalnya serta maknanya. Akhir sekali cara memahami ayat-ayat. Beliau telah menyarankan kaedah yang mudah dalam mengajar membaca iaitu melalui “Kaedah Herbert” (هربات طرح). Caranya ialah dengan membuat urutan:

- a) Pendahuluan
 - b) Pendedahan Tajuk / bacaan
 - c) Kaitan
 - d) Rumusan
 - e) Pelaksanaan.
- ii) **Kaedah Pengajaran Nahu.**

Terdapat tiga (3) kaedah yang disarankan iaitu *Qā‘idat Qiāsiyat* (قاعدة قياسية) iaitu guru menerangkan kaedah-kaedah nahu (definisi tajuk-tajuk nahu) dan diikuti dengan contoh-contoh penggunaannya. Kaedah kedua ialah *Tarīqat*

Istiqrā'iyyat (استقرائية طريقة) iaitu cara yang telah diperkenalkan oleh Herbert pada akhir kurun ke-19 dan permulaan kurun ke-20 berdasarkan beberapa teknik pengajaran seperti:

- i) Pendahuluan Pengajaran
- ii) Pendedahan Mata Pelajaran Nahu kepada Pelajar dan kaitannya
- iii) Menerangkan sedikit kaedah atau kesimpulannya
- iv) Pelaksanaan melalui contoh-contoh dalam pelajaran nahu.

Cara ini lebih berkesan kerana pengajaran ditumpukan terus kepada sasaran. Akhir sekali kaedah ketiga yang boleh digunakan ialah Tarīqat Al-Mu‘adalat (العادلة طريقة), iaitu kaedah yang mengutarakan pembelajaran Nahu Arab melalui gaya dan skel pemahaman satu perenggan bahan bacaan dengan topik-topik tertentu, atau melalui teks yang khusus, diikuti dengan formula kaedah nahu Arab. Cara ini tidak perlu menerangkan kaedah Nahu tertentu tetapi penerangan diberi melalui pelaksanaan terus menerus. (secara langsung daripada teks tertentu) Matlamat pengajarannya ialah supaya pelajar-pelajar mengemukakan contoh-contoh bersama. Teknik yang disarankan ialah :

- a) Pengajaran berpunca daripada permasalahan yang timbul di kalangan pelajar, guru.
 - b) Pelajar-pelajar sama-sama menyelesaikan permasalahan
 - c) Latihan
 - d) Penyelesaian Perseorangan
 - e) Pendedahan istilah-istilah (kamus istilah)
- iii) **Keadah Pengajaran Kemahiran Menulis (karang-mengarang)**
“Maqāl” (مقال)

Mata pelajaran Maqāl (karangan) terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian kemahiran dalam percakapan (pertuturan) berbentuk syarahan (oral) dan bahagian kemahiran penulisan (Maqāl). Kemahiran berpidato dalam bahasa Arab memerlukan latihan dalam kelas. Guru hendaklah memilih tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar supaya pelajar dapat bercerita atau mengisahkan tajuk tadi dan dengan cara ini dapat meningkatkan motivasi pelajar. Panduan pengajaran bahagian ini berdasarkan khutbah jumaat, khutbah Dua Hariraya Aidil Fitri dan Aidil Adha. Situasi bahagian syarahan sesuai digunakan berdasarkan :

- a) Majlis Perasmian
- b) Majlis Kesukuran / Kejayaan
- c) Majlis Mesyuarat Agong dengan peranan sebagai Setiausaha Mesyuarat dalam membuat laporan secara lisan.

Kemahiran menulis Maqāl, memerlukan guru-guru membimbing pelajar bagaimana menulis karangan, minit mesyuarat, agenda mesyuarat dan memo mahkamah.

iv) **Kaedah Pengajaran Balāghaṭ (طريقة تدريس البلاغة)**

Kaedah pengajaran Balāghaṭ lebih bersistematik seperti :

- a) Mendedahkan contoh-contoh atau teks-teks adabi yang mengandungi bentuk-bentuk uslub Balāghaṭ dan dibaca oleh guru-guru
- b) Menyelesaikan contoh-contoh teks Balāghaṭ melalui penyelesaian uslub adabi (مراجحة أدبي) dengan perbincangan antara pelajar dengan guru

- c) Kesimpulan daripada contoh-contoh Balāghat dan hubungannya dengan mata pelajaran lain.
- d) Melaksanakan teori kaedah pengajaran nahu
- e) Menjelaskan teori-teori kaedah Balāghat, panduan ilmu Balāghat dari teks-teks yang disediakan dalam buku dan teks-teks daripada guru itu sendiri di peringkat akhir setiap bab.

Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran ini (Balāghat) boleh dilaksanakan dengan kaedah-kaedah pengajaran mata pelajaran Nahu, Saraf dan Imlak dengan mengemukakan contoh-contoh dan perbincangan, serta membuat kesimpulan daripada contoh-contoh yang digunakan.

Kajian yang telah dilakukan oleh Mohammad Jailani bin Hamzah : 1994, mencadangkan beberapa cadangan untuk mengatasi kesilapan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antara cadangan yang dikemukakan ialah :

- a) Hendaklah mengelakkan diri daripada menggunakan bahasa perantaraan dalam pembelajaran dan pengajaran sintaksis bahasa

Arab. Penggunaan bahasa Arab standard sebagai bahasa perantaraan sangat digalakkan.

- b) Guru-guru bahasa Arab haruslah menganalisa dan mengkaji mata pelajaran sintaksis secara mendalam dan berusaha untuk mencipta suatu kata kunci yang tepat bagi setiap aspek yang diajar.
- c) Guru-guru yang mengajar mata pelajaran Syariah dan Usuluddin juga hendaklah menyelitkan unsur-unsur sintaksis khususnya aspek pembacaan yang betul dalam pengajaran mereka. Langkah ini secara tidak langsung dapat menolong pelajar mengingati kembali kaedah-kaedah sintaksis yang diajar oleh guru-guru bahasa Arab.
- d) Guru-guru bahasa Arab hendaklah berusaha untuk menggunakan pelbagai alat bantu mengajar dalam setiap aspek pengajaran supaya rangsangan dapat tersemai dan seterusnya minat terhadap bahasa arab.

- e) Guru-guru juga hendaklah sentiasa memberi latihan kepada pelajar-pelajar dalam setiap bab yang telah diajar. Perkara ini akan membantu guru menilai kesahaman dan keupayaan pelajar dalam menerima pelajaran. Berdasarkan latihan itu, guru-guru dapat mencari kelemahan pelajar dan berusaha untuk mengatasinya dengan segera. Guru-guru juga hendaklah menyedari perbezaan keupayaan para pelajar dalam menerima pelajaran. Oleh itu, guru-guru harus menolong mereka mengatasi kelemahan masing-masing serta meninggikan keyakinan diri mereka.

- f) Guru juga haruslah mempelbagaikan teknik-teknik pengajaran sintaksis bahasa Arab termasuk teknik-teknik soalan latihan. Perkara ini amat penting untuk menghilangkan rasa jemu dan sebaliknya menimbulkan rasa seronok dalam menerima pelajaran mereka.

Kajian yang telah dilakukan oleh **Mohamad Nor bin Ibrahim : 1992**, memperkenalkan beberapa kaedah untuk pemelajaran bahasa Arab di Malaysia. Antara kaedah-kaedah yang telah digunakan ialah :

a) **Cara latihan mengikut pola-pola bahasa** (طريقة التدريب على الأنماط اللغوية)

Apa yang dimaksudkan dengan kaedah ini ialah dengan cara memberi jalan-jalan bahasa dan maknanya sekali dan meminta pelajar menyebutnya berulangkali, memberikan perbandingan dan menggantikannya. Aktiviti ini membantu pelajar untuk memperoleh jalan bahasa yang betul. Pelajar juga boleh menggunakan kebolehan mereka untuk membuat perumpamaan yang sama (التهاب التلقائي). Ini dapat dilakukan dengan cara mengikut jalan-jalan bahasa tersebut kemudian menggunakan uslub-uslub bahasa yang betul.

Untuk menghidupkan suasana pembelajaran dan mengelakkan rasa jemu di kalangan pelajar-pelajar, guru hendaklah menjalankan aktiviti secara lisan. Guru juga hendaklah menggunakan tanda tanya seperti apa (ما), apakah (هل), siapa (من), di mana (أين) dan bila (متى). Ini dijalankan selepas murid-murid faham makna-makna ayat dan jalan-jalan bahasa dan selepas mereka meyakini kesahihannya.

Setelah seseorang pelajar selesai menjalankan aktiviti peringkat pertama, di samping memberi latihan tentang jalan-jalan bahasa, ada baiknya kita berikan kepada mereka isi pelajaran dalam bentuk cerita pendek.

Pada peringkat ini, aspek-aspek nahu tidak diajar secara jelas, tetapi ia diajar secara tidak langsung. Pelajar-pelajar digalakkan untuk mengeluarkan lafaz-lafaz umum daripada susunan ayat yang diberikan kepada mereka atau dengan kata lain aspek nahu dipelajari dengan kaedah membaca.

Di samping itu guru tidak perlu membebankan pelajar menghuraikan istilah-istilah nahu secara berlebihan. Ini disebabkan penghuraian yang terperinci tentang teori dan istilah adalah berdasarkan kepada kemahiran ilmiah dalam penggunaan bahasa.

Sebagai contohnya, untuk mengajar murid tentang الجملة الفعلية tentang ayat yang terdiri daripada الاسم المذكر dan membuatnya الفعلية المضارع اللازم المبني على المعلوم Maka kita mestilah mengikut langkah-langkah berikut:

1. Mengemukakan jalan-jalan bahasa yang mengandungi perkara yang mungkin diajar. Kemudian meminta pelajar menyebutkan berulangkali secara berseorangan atau berkumpulan, contohnya :

i. يخرج زكريا من بيته الى عمله (Zakaria keluar dari rumah ke tempat kerjanya)

ii. يذهب زكريا الى غرفة مديره (Zakaria pergi ke bilik ketuanya)

iii. يعيش زكريا مع أسرته (Zakaria tinggal bersama keluarganya)

iv. يصل زكريا الى بيته في الساعة الخامسة مساء (Zakaria sampai ke rumahnya pada jam lima petang)

2. Melakukan aktiviti soal jawab dalam bentuk lisan contoh :

i. الى اين يخرج زكريا ؟ (Ke mana Zakaria keluar ?)

ii. هل يذهب زكريا الى غرفة مديره ؟ (Adakah Zakaria pergi ke bilik ketuanya ?)

iii. مع من يعيش زكريا ؟ (Dengan siapa Zakaria tinggal ?)

iv. متى يصل زكريا الى بيته ؟ (Bila Zakaria sampai ke rumahnya ?)

3. Pada waktu yang sesuai kita berikan kepada pelajar-pelajar isi pelajaran dalam bentuk cerita yang bertajuk (موظف منظم و مودب).

Contoh:

يخرج زكريا من بيته الى عمله في كل يوم في الساعة السابعة صباحاً، ويصل الى هناك في الساعة الثامنة.

يدخل زكريا مكتبه في الساعة المحددة ويبادر عمله بجد ونشاط ولا يترك مكتبه الا لضرورة.

ينذهب زكريا الى غرفة مديره كلما دعى اليه ويستمع ويتحدث اليه بأدب واحترام. يحب المدير زكريا لأنه

موظف منظم مودب. يخرج زكريا من مكتبه في الساعة الرابعة والنصف مساء ويصل الى بيته في الغالب

الساعة الخامسة وربع ساعة.

Bermaksud : Zakaria keluar dari rumah ke tempat kejanya setiap hari pada jam tujuh pagi dan sampai ke tempat kerjanya pada pukul lapan. Dia memasuki pejabatnya pada masa yang ditetapkan dan dia mula bekerja dengan rajin dan dedikasi dan dia tidak meninggalkan pejabatnya melainkan ada urusan mustahak.

Zakaria pergi ke bilik ketuanya setiap kali dipanggil dan dia mendengar dan bercakap dengan ketuanya secara penuh beradab dan hormat. Ketuanya memuji Zakaria kerana beliau seorang pegawai yang berdisiplin dan beradab. Zakaria keluar dari pejabatnya pada jam empat setengah petang dan tiba di rumahnya pada kebiasaannya jam lima suku petang.

4. Perbincangan tentang petikan.

5. Perbincangan tentang aspek-aspek nahu

6. Latihan.

b) **Cara mengikut kaedah tatabahasa dan nahu** (طريقة التواعد وال نحو)

Kita telah maklum bahawa bahasa Arab dikenali sebagai bahasa (الاعراب) iaitu ibarat perubahan harakah (tanda akhir perkataan). Perubahan

harakah di akhir kalimah adalah disebabkan (عَالِمٌ) yang mempengaruhi kalimah tersebut di akhir perkataan yang menunjukkan makna yang dimaksudkan oleh penuturnya. Kalau lauh (عَالِمٌ) tersebut tiada, maka kesan-kesan harakah tidak wujud dan perkataan tersebut tidak memberi erti.

Masih banyak terdapat contoh-contoh yang menekankan bahawa (اعراب) adalah perkara-perkara yang paling penting yang diberi penekanan dalam mempelajari bahasa Arab untuk menguasai kefasihan dan penjelasan. Sebagai contoh : Kita tidak dapat memahami dengan jelas tentang sesuatu maksud dalam ayat itu : (احترم المدرس الطلاب) kecualilah selepas kita mengetahui baris akhir (harakah) untuk kalimah (المدرس) dan (الطلاب)

Di samping itu bahasa Arab juga dikenali sebagai bahasa (الاشتقاقية). Ia berbeza dengan bahasa-bahasa lain kerana bahasa Arab mampu untuk melahirkan kalimah-kalimah baru dari satu kalimah sahaja.

Kepentingan (اعراب) menyebabkan kita menjelaskan kepentingan (الاشتقاقية) dan dengan sendirinya memberi pengetahuan kepada pelajar tentang (صرف).

Pengetahuan tentang (قواعد) adalah penting sekiranya kita menolak kenyataan bahawa pelajar bukan Arab biasanya akan menggunakan nas dalam sesuatu perkara yang mana mereka mesti mengetahui (قواعد) dengan gambaran yang jelas. Ekoran dari itu pelajar mampu untuk membaca nas tersebut. Memahami nas dari segi (قواعد) adalah syarat perubahan yang betul dan merupakan syarat untuk memahami makna kandungan tersebut iaitu apabila betul kedudukan struktur ayat itu maka makna kandungan ayat itu dapat difahami dengan tepat.

Kaedah (القواعد وال نحو) apabila dilaksanakan dengan baik akan merupakan kaedah yang berkesan untuk memupuk kemahiran membaca dan memahami suatu nas dengan betul. Sebagaimana yang telah kita nyatakan tadi bahawa kemahiran membaca dan memaham merupakan tujuan utama pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Sebagai kesimpulannya bab ini membicarakan tentang beberapa kajian umum bahasa. Terdapat beberapa pendekatan yang telah ditimbulkan untuk membolehkan pengajaran secara berkesan berjalan; Antaranya pendekatan deduktif, induktif, elektif dan pendekatan komunikatif. Bahagian kedua membicarakan tentang beberapa kajian berkaitan dengan pengajaran bahasa Arab di Malaysia.